



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 15 DISEMBER 2024



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------------|----------------|
| 1 | SIMPOSIUM LEGENDA PUTERI SANTUBONG DIANJUR TAHUN DEPAN - NANCY | | POSITIF |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2373885 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/general/news.php?id=2373892 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/14/simposium-legenda-puteri-santubong-dianjur-tahun-depan-nancy | UTUSANBORNEO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------|----------------|
| 2 | HARI OKU SEDUNIA, KARNIVAL SUKAN 2024 DISAMBU MERIAH | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166173/hari-oku-sedunia-karnival-sukan-2024-disambut-meriah | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------|----------------|
| 3 | MEMAHAMI TANTRUM KANAK-KANAK, CABARAN BESAR IBU BAPA | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/12/1336886/memahami-tantrum-kanak-kanak-cabaran-besar-ibu-bapa | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|----------------|----------------|
| 4 | BANJIR DI JOHOR, PAHANG BERANSUR PULIH | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166151/banjir-di-johor-pahang-beransur-pulih | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1336970/banjir-johor-pahang-beransur-pulih-perak-kekal-setakat-petang-ini | BHARIAN.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------------|----------------|
| 5 | KANAK-KANAK GISBH YANG BELUM DITUNTUT DALAM PROSES SERAHAN KEPADA WARIS | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1166029/kanak-kanak-gisbh-yang-belum-dituntut-dalam-proses-serahan-kepada-waris | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-gisbh-hanya-selesa-dalam-kalangan-jemaah-shuhaily/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/12/14/100-kanak-kanak-gisbh-di-selangor-belum-dituntut-dalam-proses-serahan-pada-waris/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|---------------------|----------------|
| 6 | LAPORAN KES JASAD BAYI 'DITAHAN' DALAM PETI SEJUK BEKU DIJANGKA SIAP MINGGU DEPAN | | NEUTRAL |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1336890/laporan-kes-jasad-bayi-ditahan-dalam-peti-sejuk-beku-dijangka-siap | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/12/14/laporan-penuh-hospital-swasta-tahan-mayat-bayi-dijangka-minggu-depan-dzulkefly/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/12/14/moh-says-awaiting-investigation-report-on-private-hospital-freezing-remains-of-stillborn-infant-over-unpaid-bill/159848 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1148238/baby-freezer-case-moh-get-full-report-soon | NST.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenazah-bayi-beku-kkm-tunggu-dapatan-siasatan-ckaps-dijangka-minggu-depan-500667 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Eljr3Ys9-CM | YOUTUBE | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/moh-awaits-report-on-alleged-case-of-baby-s-remains-being-withheld-FE13420511 | THESUN.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/728951 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/laporan-penuh-kes-jasad-bayi-disimpan-peti-sejuk-minggu-depan-dzulkefly/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-mayat-bayi-beku-laporan-siasatan-selewat-lewatnya-minggu-depan | BERITA.RTM.GOV.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-----------------------|----------|
| 7 | IBU BAPA KES BAYI DISIMPAN DALAM PETI SEJUK DISARAN TAMPIL KE LZS | | NEUTRAL |
| | https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2373854 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/12/14/pasangan-kes-bayi-ditahan-peti-sejuk-diminta-tampil-ke-lzs/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/14/baby-in-freezer-lzs-urges-parents-to-come-forward | THESTAR.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/lzs-urges-parents-of-stillborn-baby-whose-body-kept-in-hospital-morgue-to-come-forward-AE13421302 | THESUN.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/12/14/zakat-board-seeks-parents-of-baby-whose-body-was-mishandled/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/12/14/selang-or-zakat-board-urges-parents-to-come-forward-in-klang-hospital-frozen-baby-case/159883 | MALAYMAIL.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|---|-----------------------|----------|
| 8 | 'TAHAN' JASAD BAYI: 2 LAPORAN DITERIMA, POLIS RAKAM KETERANGAN 5 SAKSI | | NEUTRAL |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/tahan-jasad-bayi-2-laporan-diterima-polis-rakam-keterangan-5-saksi/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenazah-bayi-beku-polis-rekod-keterangan-doktor-500655 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/hospital-didakwa-simpan-mayat-bayi-ibu-bapa-doktor-sudah-dirakam-percakapan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/14/isu-tahan-jenazah-bayi-polis-ambil-4-keterangan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/702178/berita/semasa/jenazah-bayi-beku-polis-rekod-keterangan-doktor#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/12/2024

| PECAHAN KATEGORI | BILANGAN MEDIA |
|-----------------------|----------------|
| Neutral | 25 |
| JKM | 25 |
| ASTROAWANI.COM | 2 |
| BERITA HARIAN AHAD | 1 |
| BERITA.RTM.GOV.MY | 1 |
| BERNAMA.COM | 1 |
| BHARIAN.COM.MY | 1 |
| BULETINTV3.MY | 1 |
| FREEMALAYSIATODAY.COM | 2 |
| KOSMO.COM.MY | 1 |
| MALAYMAIL.COM | 2 |
| MALAYSIAGAZETTE.COM | 1 |
| MALAYSIAKINI.COM | 1 |
| METRO AHAD | 2 |
| NST.COM.MY | 1 |
| SINARHARIAN.COM.MY | 1 |
| THE SUNDAY POST | 1 |
| THESTAR.COM.MY | 1 |
| THESUN.MY | 2 |
| UTUSAN.COM.MY | 2 |
| YOUTUBE | 1 |
| Positif | 12 |
| JKM | 8 |
| BHARIAN.COM.MY | 1 |
| BULETINTV3.MY | 1 |
| HMETRO.COM.MY | 3 |
| MALAYSIAGAZETTE.COM | 1 |
| METRO AHAD | 1 |
| NEW SUNDAY TIMES | 1 |
| KPWKM | 4 |
| BERNAMA.COM | 2 |
| BHARIAN.COM.MY | 1 |
| UTUSANBORNEO.COM.MY | 1 |
| JUMLAH | 37 |

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SIMPOSIUM LEGENDA PUTERI SANTUBONG DIANJUR TAHUN DEPAN - NANCY

🕒 14/12/2024 09:45 PM



KUCHING, 14 Dis (Bernama) -- Simposium Legenda Puteri Santubong akan diadakan tahun depan bagi memperkukuh penceritaan berkenaan yang merupakan satu daripada warisan cerita rakyat yang terkenal di Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong Datuk Seri Nancy Shukri berkata simposium itu bakal dianjurkan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia.

Berucap merasmikan Program Santubong Day di Dewan Komuniti Santubong dekat sini, hari ini beliau berkata usaha itu dapat meraikan kekayaan budaya tempatan, selain meningkatkan kesedaran tentang nilai sejarah Santubong kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

"Santubong ialah sebuah kawasan yang kaya dengan sejarah dan cerita. Penemuan artifak di sini mengesahkan kepentingannya dalam sejarah perdagangan dunia," katanya.

Beliau berkata Santubong juga sudah berkembang dan berpotensi menjadi destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa berdasarkan keunikan dan keindahan semula jadi dimiliki kawasan itu.

"Santubong adalah permata warisan yang perlu kita hargai dan pelihara. Saya menyeru seluruh penduduk Santubong untuk bersama-sama menjaga khazanah alam dan budaya kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata kesejahteraan pelajar kawasan Santubong khususnya yang sedang menjalani pengajian di institusi pengajian tinggi menjadi keutamaan beliau, dengan sebanyak RM69,100 bantuan pendidikan telah disalurkan setakat tahun ini kepada 258 penerima.

Pada tahun lepas, katanya sejumlah RM117,300 telah disalurkan kepada 314 pelajar menerusi bantuan sama.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hari OKU Sedunia, Karnival Sukan 2024 disambut meriah

Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my



Datuk Aiman Athirah Sabu (depan tengah) bergambar kenangan pada Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia dan Karnival Sukan 2024 yang berlangsung hari ini. FOTO Ihsan Pertubuhan PDK Payung

Sepang: Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia dan Karnival Sukan 2024 peringkat Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Rumah Payung di sini, disambut meriah dengan kehadiran kira-kira 1,000 hadirin termasuk pemimpin masyarakat, atlet para serta komuniti golongan istimewa itu.

Majlis itu dirasmikan Ahli Parlimen Sepang Datuk Aiman Athirah Sabu yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Aiman Athirah berkata, majlis seumpamanya bukan sekadar himpunan tetapi satu langkah penting dalam memperkasa komuniti OKU sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani yang menitikberatkan keterangkuman dan pembangunan mampan serta menambak kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap sumbangan yang boleh diberikan oleh warga OKU.

"Saya menyeru semua pihak untuk terus menyokong pembangunan sukan para dan pada masa sama jangan lupa memperluaskan lagi pendaftaran OKU.

"Statistik terkini terdapat 736,607 orang OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu 2.2 peratus daripada penduduk.

"Saya percaya ramai lagi (belum mendaftar), justeru usaha mendaftar orang OKU perlu diteruskan untuk membolehkan kerajaan memberikan hak-hak yang layak bagi mereka," katanya ketika berucap merasmikan program berkenaan, hari ini.

Hadir sama, Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Daerah Sepang yang juga Penaung PPDK Rumah Payung, Tengku Datuk Dr Jamaluddin Tengku Mahmud Shah Al-Haj, Pengerusi PPDK Rumah Payung, Tengku Azlan Shah Tengku Jamaluddin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Pelek Lwi Kian Keong.

Tema Hari OKU Kebangsaan 2024, 'Memperkasa Intipati Kepimpinan Golongan Kurang Upaya Demi Masa Depan Yang Lebih Inklusif dan Mampan' menjadi tumpuan utama acara program.

Turut memeriahkan program kehadiran atlet paralimpik terkenal termasuk Muhammad Ziyad Zolkefli yang juga pemenang pingat emas Sukan Paralimpik Rio 2016, atlet para Selangor Ikmal Fathillah Abu Arqam, demonstrasi sukan para lawn ball serta perkongsian Presiden Persatuan Sukan OKU Selangor, Amrol Ambia mengenai membina masa depan lebih mampan untuk OKU dalam sukan para.

Kehadiran atlet bukan sahaja menjadi inspirasi kepada peserta malah ibu bapa mempunyai anak istimewa yang hadir memeriahkan program itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Memahami tantrum kanak-kanak, cabaran besar ibu bapa

Disember 14, 2024 @ 2:22pm



Foto hiasan

TANTURUM adalah bentuk tindak balas emosi yang sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak, terutama pada usia awal perkembangan mereka.

Ia biasanya membabitkan ekspresi marah, kecewa, atau frustrasi yang ditunjukkan melalui tangisan, menjerit, menggigit, atau bahkan melontarkan objek.

Tantrum ini adalah satu perkara biasa yang berlaku dalam proses perkembangan kanak-kanak, namun ia juga boleh menjadi cabaran besar bagi ibu bapa dalam usaha mengawal tingkah laku anak mereka.

Tanda-tanda tantrum

Tanda-tanda tantrum pada kanak-kanak dapat dilihat dalam pelbagai bentuk. Biasanya, kanak-kanak akan mula menunjukkan perubahan dalam tingkah laku mereka sebelum tantrum berlaku.

Mereka mungkin mula menggosok mata, mengerutkan dahi, atau menunjukkan tanda-tanda ketegangan dalam badan.

Apabila emosi mereka semakin tidak terkawal, mereka akan mula menangis dengan kuat, menjerit, atau dalam sesetengah kes, menggulingkan diri ke lantai dan menendang kaki.

Faktor yang mendorong tantrum

Terdapat beberapa faktor yang boleh mendorong terjadinya tantrum pada kanak-kanak.

Salah satu faktor utama adalah keperluan fizikal yang tidak dipenuhi. Kanak-kanak yang lapar, mengantuk, atau tidak merasa selesa mungkin lebih cenderung untuk mengalami tantrum.

Kedadaan ini berlaku kerana mereka belum menguasai cara untuk menyampaikan keperluan mereka dengan jelas. Lalu ekspresi emosi yang kuat seperti tantrum menjadi jalan keluar bagi mereka.

Ketidakmampuan untuk mengawal perasaan turut menjadi faktor penyumbang. Pada usia yang muda, kanak-kanak masih dalam proses perkembangan emosi dan kognitif.

Mereka belum sepenuhnya belajar untuk mengawal emosi mereka apabila berdepan dengan situasi yang mengecewakan atau apabila tidak mendapat apa yang mereka inginkan.

Ini menyebabkan mereka mungkin meluahkan perasaan melalui tantrum kerana mereka tidak tahu cara lain untuk mengatasi kekecewaan.

Persekitaran sosial dan keluarga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tantrum kanak-kanak. Kanak-kanak yang terdedah kepada tekanan, kurang perhatian, atau sering menyaksikan konflik dalam keluarga mungkin lebih cenderung untuk mengalami tantrum.

Mereka mungkin merasa tidak selamat atau tertekan, yang boleh mencetuskan reaksi emosi yang kuat.

Begitu juga, apabila kanak-kanak berada dalam persekitaran yang penuh dengan peraturan ketat atau tidak ada ruang untuk berkomunikasi dengan baik, mereka mungkin lebih mudah hilang sabar dan bertindak dengan tantrum.

Cara menangani tantrum

Untuk menangani tantrum, ibu bapa perlu mempunyai kesabaran tinggi. Salah satu cara berkesan adalah dengan berkomunikasi dengan tenang.

Apabila kanak-kanak mula menunjukkan tanda tantrum, cuba bercakap dengan suara lembut dan tenang, beri mereka masa untuk menenangkan diri, dan jangan melawan atau meningkatkan ketegangan.

Kadangkala, mengalihkan perhatian mereka dengan aktiviti lain atau memberi mereka pilihan dapat membantu mereka melupakan kekecewaan yang mereka rasa.

Dalam jangka masa panjang, ibu bapa boleh mengajar kanak-kanak cara-cara untuk mengungkapkan perasaan mereka.

Menggunakan teknik seperti bermain peranan atau berbincang tentang perasaan mereka dengan menggunakan gambar atau cerita boleh membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran sosial dan emosi yang lebih baik.

Tantrum adalah perkara biasa dalam perkembangan kanak-kanak, tetapi dengan pemahaman mengenai tanda-tanda dan faktor yang mempengaruhinya, ibu bapa boleh menangani situasi ini dengan lebih berkesan.

Tantrum bukanlah sesuatu yang perlu ditakuti, tetapi lebih kepada peluang untuk ibu bapa mengajar kanak-kanak cara lebih sihat dalam mengawal perasaan dan berkomunikasi.

Dengan kesabaran, kasih sayang, dan sokongan yang tepat, tantrum boleh dikendalikan dengan cara membina dan positif.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir di Johor, Pahang beransur pulih

BERNAMA



Jalan utama ke Sungai Lembing yang dinaiki air ekoran hujan lebat pada 10 Disember lalu. FOTO Muhammad Delima Atan.

Kuala Lumpur: Situasi banjir di Johor dan Pahang semakin pulih apabila jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di kedua-dua negeri tersebut terus mencatatkan penurunan pada petang ini, manakala di Perak masih tidak menunjukkan perubahan.

Di **JOHOR**, jumlah mangsa banjir di Johor menurun kepada 36 orang daripada 11 keluarga berbanding 40 orang pada pagi tadi, dengan kesemua mangsa kini berlindung di PPS Balai Raya Kampung Batu Badak di daerah Segamat yang dibuka sejak 29 Nov lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Johor Tan Sri Dr Azmi Rohani dalam satu kenyataan berkata, mangsa yang berasal dari Kampung Seberang Batu Badak masih belum dibenarkan pulang kerana kawasan penempatan masih digenangi banjir termenung.

Selain itu, beliau turut memaklumkan hanya satu sungai di daerah Segamat dilaporkan melepasi paras amaran iaitu Sungai Muar di Buloh Kasap dengan bacaan 8.82 meter (m) (trend menurun), manakala keadaan cuaca di sembilan daerah di negeri ini diramalkan cerah kecuali di Mersing yang dijangka mengalami hujan petang ini.

Di **PAHANG**, jumlah mangsa banjir di Pahang menurun kepada 31 orang daripada 11 keluarga berbanding 41 orang pada pagi tadi, melibatkan dua daerah yang masih terjejas iaitu Bera dan Maran.

Menurut aplikasi InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai 27 mangsa ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Gemuruh di daerah Bera manakala empat mangsa berada di PPS Balairaya Kampung Baru Pertanian di daerah Maran.

Di **PERAK** Sekretariat JPBN negeri memaklumkan jumlah mangsa banjir kekal seramai 186 orang daripada 57 keluarga di daerah Manjung dan kesemua mangsa masih ditempatkan di PPS SK Beruas.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam kenyataannya memaklumkan paras air Sungai Rui di Hulu Perak berada pada paras amaran dengan bacaan 165.68m berbanding paras normal 165.10m manakala Sungai Perak di kawasan Pasang Api, Bagin Datuk merekodkan paras berjaga-jaga dengan kedalaman 1.85m berbanding paras normal 1.0m.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan hujan berterusan pada tahap waspada dijangka berlaku di sekitar kawasan Hulu Perak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 100 ANAK GISBH BAKAL DISERAH KEPADA IBU BAPA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 DIS 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

100 anak GISBH bakal diserahkan kepada ibu bapa

Kuala Lumpur: Lebih 100 kanak-kanak GISB Holdings (GISBH) yang ditahan di negeri Selangor dalam proses diserahkan kepada ibu bapa dan waris masing-masing.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor Azmir Kassim berkata, jumlah kanak-kanak GISBH yang diuruskan di Selangor lebih 100 orang dan tidak termasuk kanak-kanak diuruskan negeri lain.

Menurutnya, sebahagian besar kanak-kanak ini, JKJ mengenal pasti ibu bapa dan waris mereka.

"Jika tiada kes sabitan polis atau Jabatan Agama Islam ke atas ibu bapa, maka kita buat serahan jika mereka layak dan mampu memberi jagaan."

"Selepas ini ada lagi beberapa penyerahan kepada ibu bapa dan waris," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Media sebelum ini melaporkan lebih 100 kanak-kanak GISB Holdings (GISBH) yang belum dituntut keluarga masih mengikuti modul pemulihan khas yang dilaksanakan Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Pengerusi Mais, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata, semua kanak-kanak itu ditempatkan di rumah kebajikan seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di ibu negara.

Katanya, terdapat sebahagian daripada kanak-kanak itu belum dituntut ke-

uarga dan dalam proses pengesahan identiti.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dilaporkan berkata, sebahagian besar sudah diambil ibu bapa masing-masing atau Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS).

Beliau menggesa ibu bapa kanak-kanak terbabit tampil menuntut anak mereka kecuali jika keadaan betul-betul terdesak.

Sebelum ini Harian Metro dan Metro Ahad menerusi laporan eksklusif sejak 7 September lalu melaporkan, bakar tangan,

cabut rumput sehingga penuh plastik hitam dan salah laku seksual antara mereka.

Beliau menggesa ibu bapa kanak-kanak terbabit tampil menuntut anak mereka kecuali jika keadaan betul-betul terdesak. Sebelum ini Harian Metro dan Metro Ahad menerusi laporan eksklusif sejak 7 September lalu melaporkan, bakar tangan, cabut rumput sehingga penuh plastik hitam dan salah laku seksual antara mereka.

Malah, ada dalam kalangan mereka menjadi mangsa liwat dan lebih malang selepas diliwat mereka dipaksa meliwat rakan lain oleh penjaga.

Kegiatan penderaan fizikal itu dikatakan berlaku sejak lebih 10 tahun lalu membabitkan penghuni di rumah berkenaan terbongkar selepas seorang penjaga berusia 19 tahun ditahan pihak berkuasa Rabu lalu di Seremban, Negeri Sembilan.

Susulan pendedahan akhbar ini, ia turut mendapat perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

“
Kita buat serahan jika mereka layak dan mampu memberi jagaan
Azmir

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

| | | | |
|----------|------------------------------|-----------|------------------|
| TAJUK : | 'THE KIDS APPEARED CONFUSED' | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH : | 15 DIS 2024 | M/SURAT : | 03 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

SPECIAL 'BULETINTV3 EDISI KHAS' PODCAST

'THE KIDS APPEARED CONFUSED'

Bukit Aman director details conditions of GISB children rescued in Op Global

AUSTIN CAMOENS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SOME of the girls rescued during Op Global were terrified to communicate with male investigating officers.

Federal Criminal Investigation Department director Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain said this was one of the challenges faced during the multi-phased operations against the Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn Bhd (GISB).

"The children appeared clearly confused when the operation occurred in September.

"Aside from the visible signs that they were malnourished based on their size, our personnel noted that some of the younger girls, who were rescued, were terrified to communicate with the male personnel," he told TV3 during a special *BuletinTV3 Edisi Khas* podcast here on Tuesday, which went on air yesterday.

He said the girls were comfortable interacting with the other male GISB followers and children, but when it came to his male personnel they showed extreme fear.

"Issues involving *mahram* (the open communication between men and women) arose.

"So we had to change the male personnel to female ones," he said.

He also said the children showed high levels of independence.

"They would hear the call to prayer and stop what they were doing, and even tell our officers to do so and join them in prayer.

"It played on the heartstrings, being a parent, and watching how independent some of these children were... they could wash their own clothes and even bathe themselves," he said.

He said questions about the children being separated should not have become an issue.

"Immediately after the children were rescued, the inspector general of police called on their parents to come forward but there was hardly any response at that time.

"After the investigations were completed and prosecutions made, some of the parents started showing up.

"They must understand that this is not a boarding school where they can merely show up and bring their children home.

"There is a court order (involving the custody of the children) and the procedure must be followed."

Police began their operations against GISB on Sept 11 through Phase One of Op Global, which saw them rescuing 402 minors from alleged exploitation.

The 201 boys and 201 girls from 18 charity homes in Selangor and two in Negri Sembilan were res-



Federal Criminal Investigation Department director Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain (left) during a special 'BuletinTV3 Edisi Khas' podcast in Kuala Lumpur on Tuesday. NSTP PIC BY AIZUDDIN SAAD

cued between 6am and 11am.

Police investigations into some of the welfare homes raided led to claims of sodomy and abuse against these children.

The investigations also revealed that children, who were ill, were allegedly not allowed to seek medical care until they were in critical condition.

On Oct 23, GISB chairman and chief executive officer Datuk

Nasiruddin Mohd Ali and his wife, Datin Azura Md Yusof, were charged at the Sessions Court with being members of an organised criminal group.

They were accused of being members of an organised criminal group under GISB between Oct 2020 to Sept 11 this year at Bandar Country Homes in Rawang, Selangor.

They were charged under Sec-

tion 130V(1) of the Penal Code, which carries a jail term of not less than five years and a maximum of 20 years.

Also charged were 20 others believed to be the top management of the group.

As of Dec 5, more than 130 children linked to GISB were still under the care of the Welfare Department and waiting to be returned to their parents.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'FROZEN' STILLBORN BABY CASE IN KLANG PRIVATE HOSPITAL NOW UNDER POLICE PROBE

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 15 DIS 2024

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

'Frozen' stillborn baby case in Klang private hospital now under police probe

KUALA LUMPUR: The case of a deformed baby that was stillborn and kept in a Klang private hospital's morgue after the parents could not pay the medical bill, has sparked debate over healthcare system in the country.

The latest updates are as the following:

- Safwan Roshdy, 22, the father of the infant, lodged a police report against the private hospital;
- He also plans to sue the hospital, and social media users who allegedly slandered his family;
- The hospital had previously explained that the infant's remains could not be released as the parents had not paid the medical bill for the delivery, but relented after 16 days – the deceased child has since been buried, and;
- Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan has said that an investigation is underway.

How did the issue go viral?
The matter was first highlighted by Mr Wan Cai



Ahmad Zaharil (second right) and Safwan (right) seen at the Kota Damansara police station. — Photo from Facebook / Mr Wan Cai Official

Official, a Facebook account of a hearse driver, who is a member of a Muslim volunteer funeral charity 'Unit Khas Van Jenazah'.

On Dec 9, the account holder

posted a livestream of how he managed the funeral rites of the stillborn named Muhammad Adham Mikail.

In a separate viral post, the account holder claimed to have

difficulties managing the remains as it was already frozen solid due to being detained in a hospital mortuary for over two weeks since Nov 24.

In subsequent posts, the

account holder also accused the hospital of being 'cruel', since the mother could not be discharged until she paid the medical bill.

Hospital's explanation

On Dec 11, the private hospital, Hospital Bersalin Razif, released a statement, explaining several matters:

- The mother arrived without any prior antenatal checkups with health clinics, and had merely monitored her pregnancy through a phone app;
- She was, however, accepted by the hospital for humanitarian reasons, despite being unbooked and unscreened;
- The baby was found to have Cyclops syndrome – one eye, absent nose, and anus – and died shortly after birth.
- The hospital then issued a burial permit and requested the father to arrange for burial, but no action was taken. The mother was also unable to settle her RM2,480 bill.
- The hospital provided the mother with free meals, counselling and assistance, but was unable to contact

any of her next-of-kin;

- The hospital considered police involvement for the burial, but the mother pleaded against it.

'What the father said'

A point of controversy was in how the hospital alleged that the child was born out of wedlock, citing an admission by the mother.

Lawyer Datuk Ahmad Zaharil Muhaiyar, who is representing the father, Safwan, disputed this – citing a check with Perlis religious authorities.

Together with Ahmad Zaharil, Safwan held a press conference on Dec 13. Here are some of his assertions:

- He claimed it was not their decision to go to the private hospital – instead, it was a neighbour who had driven the mother there after she went into labour.
- He admitted that he could not pay the medical bill, but insisted that the infant's remains be released for burial even if the mother could not be discharged.
- He also admitted that the mother had never undergone antenatal check-ups, or had a child health record book – known in Malaysia as 'the pink book'. — Malay Mail

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TUNGGU LAPORAN PENUH MINGGU DEPAN: DR DZULKEFLY

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 DIS 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

ketika dihubungi Metro, semalam. Harijan melaporkan polis me-

terbabit, kelmarin. Beliau berkata, laporan itu diklasifikasikan sebagai Kertas Enkuiri Polis (KEP).



laki dinamakan Adham. Sa-fwan Roshdy (**gambar**) ke-cewa dan sedih dengan tin-dakan hospital 'mena-

mendakwa pihak hos-

gagal menjelaskan bil hospital lebih awal.

Tunggu laporan penuh minggu depan: Dr Dzulkefly

Georgetown: Laporan penuh siasatan kes jenazah bayi yang didakwa disimpan dalam peti sejuk selama dua minggu di hospital swasta di Klang dijangka diperolehi selewat-lewatnya minggu depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) menjalankan siasatan namun pihaknya masih menunggu laporan kes berkenaan.

"Rangka masa bagi saya sentiasa merujuk kepada mesyuarat pasca Kabinet yang seterusnya. Kami mengadakan mesyuarat mingguan dengan mesyuarat terbaru diadakan semalam (Jumaat).

"Jadi, pada waktu itu, saya ingin melihat kemas kini atau dapatan yang dipersembahkan semasa mesyuarat pasca Kabinet saya.

"Harapnya, saya ada mesyuarat

terakhir sebelum akhir tahun, iaitu minggu depan," katanya pada sidang media selepas merasmikan 1st Malaysia Community First Responder Conference di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, pihaknya memberi perhatian penuh terhadap kes berkenaan namun harus menunggu hasil siasatan untuk berlaku adil kepada semua pihak terbabit.

"Kita bersimpati dan berempati dengan keluarga dalam tragedi ini. Saya harapkan laporan disegerakan kerana saya tahu siasatan dijalankan.

"Dapatan awal juga sudah ada, dan saya yakin kita dapat mendengarnya tidak lama lagi. Saya percaya semua pihak, termasuk anda, ingin mendengar hasilnya secepat mungkin," katanya.

Menurutnya, semua perkhidmatan hospital swasta di negara ini tertakluk

di bawah Akta 586 yang juga dikenali sebagai Akta Perkhidmatan Hospital Swasta.

"Walaupun pemantauan sentiasa menjadi fokus utama, kes ini dilihat unik dari segi latar belakang dan situasinya, ia menjadikannya berbeza daripada kes lain," katanya.



“ Kita bersimpati dan berempati dengan keluarga dalam tragedi ini Dr Dzulkefly

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



IBU BAPA KES BAYI DISIMPAN DALAM PETI SEJUK DISARAN TAMPIL KE LZS

🕒 14/12/2024 06:33 PM



SHAH ALAM, 14 Dis (Bernama) -- Pasangan suami isteri yang tular berhubung dakwaan jenazah bayi mereka disimpan dalam peti mayat di Klang, baru-baru ini disaran tampil ke Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk proses bantuan.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata pihaknya masih menjejak pasangan berkenaan termasuk mendapatkan sumber yang mengeluarkan kisah mereka.

Bagaimanapun beliau berkata pihaknya belum mendapat sebarang maklum balas mengenainya.

"Kami cuba jejak dan jika (pasangan itu) dapat tampil, itu akan lagi cepatkan proses (bantuan). Jadi insya-Allah kita akan bantu pasangan ikut kategori yang layak sama ada kategori asnaf gharimin (orang berhutang)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Anugerah Asnaf Cemerlang 2024 anjuran LZS di sini hari ini.

Media semalam melaporkan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak menerima sebarang aduan berhubung kejadian jenazah seorang bayi lelaki yang didakwa 'ditahan' dua minggu oleh sebuah hospital swasta di Klang.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata ketika ini MAIS menerusi LZS sedang mengesan ibu bapa kepada bayi terbabit.

Dalam pada itu, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan dilaporkan berkata pihaknya akan memanggil wakil pihak hospital yang terlibat untuk dirakam keterangan berhubung kejadian tular itu.

Beliau memaklumkan pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu daripada bapa bayi berkenaan semalam dan kes diklasifikasikan di bawah kertas inkuiri polis bagi menentukan sama ada wujud unsur jenayah.

Sebelum ini, tular menerusi media sosial kisah jenazah bayi lelaki itu yang didakwa ditahan dan disimpan dalam peti sejuk mayat selama dua minggu oleh sebuah hospital swasta selepas bapanya tidak mempunyai wang untuk membayar bil.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : POLIS RAKAM KETERANGAN IBU BAPA, 2 DOKTOR

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 15 DIS 2024

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Mayat bayi 'disimpan' dalam peti sejuk

Polis rakam keterangan ibu bapa, 2 doktor

Beberapa lagi individu akan dipanggil dalam masa terdekat bantu siasatan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi dan Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis sudah merakam keterangan ibu bapa dan doktor berhubung isu mayat bayi lelaki 'disimpan' dalam peti sejuk di sebuah hospital swasta di Klang berikutan ibu bapanya ti-

dak menjelaskan bil rawatan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata setakat ini, seramai empat orang dirakam percakapan iaitu ibu bapa bayi dan dua doktor kelmarin.

"Kita akan panggil beberapa lagi individu dalam masa terdekat bagi membantu siasatan," katanya ringkas ketika dihubungi, semalam.

Media kelmarin melaporkan polis akan memanggil beberapa individu termasuk pihak hospital berhubung isu mayat bayi lelaki 'disimpan' dalam peti sejuk di sebuah hospital swasta di Klang, kerana ibu bapanya tidak menjelaskan bayaran bil.

Hussein dilaporkan berkata, polis menerima satu laporan daripada bapa kepada bayi ter-

babit kelmarin.

Beliau berkata, laporan itu diklasifikasikan sebagai Kertas Enkiri Polis (KEP).

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) menjangka laporan penuh siasatan kes itu akan diperolehi selewat-lewatnya minggu depan.

Katanya, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) telah menjalankan siasatan dan pihaknya masih menunggu dapatan penuh selepas mesyuarat pasca Kabinet, kelmarin.

"Harapnya, ada mesyuarat terakhir sebelum akhir tahun iaitu minggu depan," katanya pada sidang media di Georgetown, semalam.



"Kita akan panggil beberapa lagi individu dalam masa terdekat bagi membantu siasatan"

Hussein Omar Khan, Ketua Polis Selangor



Terdahulu, beliau merasmikan Persidangan Komuniti Tindak Balas Pertama Malaysia.

Tunggu hasil siasatan

Dzulkefly berkata, KKM memberi perhatian terhadap kes itu namun pada masa sama harus menunggu hasil siasatan untuk berlaku adil kepada semua pihak.

"Kita bersimpati dengan keluarga yang terbabat dalam tragedi ini dan saya harap laporan dapat disejerakan.

"Dapatan awal sudah ada dan saya yakin semua pihak mahu mengetahui hasilnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, semua perkhidmatan hospital swasta di negara ini tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Hospital Swasta atau Akta 586.

"Walaupun pemantauan sentiasa menjadi fokus utama, kes ini dilihat agak unik dari segi latar belakang dan situasinya," katanya.

Selain tumpuan terhadap usaha menambah baik sistem penjagaan kesihatan awam termasuk reformasi penghantaran perkhidmatan, sumber manusia dan klinik daif, Dzulkefly berkata, KKM juga memberi perhatian kepada sektor swasta terutama berkaitan kos perubatan.

Kisah bayi dinamakan Adham dan meninggal dunia beberapa minit selepas dilahirkan menjadi tumpuan apabila jasadnya 'ditanah' di bilik sejuk beku sebuah hospital swasta selama dua minggu selepas bapanya, Safwan Roshdy, tidak dapat melunaskan bil hospital.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'SIASATAN JIKA ADA UNSUR JENAYAH'

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 15 DIS 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Polis merakam keterangan ibu bapa dan doktor berhubung isu mayat bayi lelaki 'disimpan' dalam peti sejuk di hospital swasta di Klang kerana ibu bapanya gagal melunaskan bayaran bil.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, setakat ini empat orang dirakam percakapan iaitu ibu bapanya dan dua doktor, kelmarin.

"Kami panggil beberapa lagi individu dalam masa terdekat bagi membantu siasatan," katanya ringkas ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Harian Metro kelmarin melaporkan polis me-

manggil beberapa individu termasuk pihak hospital berhubung isu mayat bayi lelaki 'disimpan' dalam peti sejuk di hospital swasta di Klang kerana ibu bapanya tidak menjelaskan bayaran bil.

Hussein dilaporkan berkata, polis menerima satu laporan daripada bapa bayi terbabit, kelmarin.

Beliau berkata, laporan itu diklasifikasikan sebagai Kertas Enkuiri Polis (KEP).

16 HARI SEJUK BEKU MAYAT BAYI

'SIASAT JIKA ADA UNSUR JENAYAH'

Polis rakam keterangan ibu bapa dan 2 doktor hospital swasta



"Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan menjalankan siasatan secara mendalam untuk menentukan sekiranya wujud sebarang unsur jenayah dalam isu ini serta menanganinya sebaik mungkin," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan bapa bayi lelaki dinamakan Adham, Saifwan Roshdy (*gambar*) kecewa dan sedih dengan tindakan hospital 'mena-

han' mayat bayi lelakinya itu selama 16 hari.

Pekerja kilang itu berkata, anak sulungnya yang dilahirkan tidak sempurna tanpa sebelah mata, hidung dan lubang dubur meninggal dunia beberapa minit selepas kelahiran.

Bagaimanapun, dia mendakwa pihak hos-

pital tidak membenarkan dia menuntut jenazah bayinya itu sehingga bil rawatan dijelaskan.

Sebelum ini tular perkongsian Unit Khas Van Jenazah (UKVJ) di Facebook mengenai pengurusan jenazah bayi lelaki yang dilahirkan tidak sempurna dan mengundang pelbagai reaksi masyarakat.

Pengasasnya, berkongsi di FB Mr Wan Cai Official, memaklumkan pihaknya terpaksa menggunakan air panas bercampur air paip untuk memandikan jenazah bayi lelaki yang dinamakan Adham apabila mayat didakwa disimpan di peti sejuk mayat sebuah hospital swasta selama dua minggu hanya disebabkan ibu bapa arwah gagal menjelaskan bil hospital lebih awal.

